

**NOVEL TENGKU MENTERI DAN URIH PESISIR
ANALISIS KEPIMPINAN BERKUALITI
DENGAN TEORI TEKSDEALISME**

MOHD NAZRI BIN ZAINUDDIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
PENDIDIKAN KESUSAstERAAN MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepimpinan berkualiti dalam novel sejarah *Tengku Menteri* (Malaysia) dan *Urah Pesisir* (Brunei). Secara khususnya, kajian ini menggunakan teori teksdealisme dengan mengaplikasikan prinsip kehadiran, perinsip perlanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada tiga watak iaitu Long Jaafar, Ngah Ibrahim dan Kapten Speedy daripada novel *Tengku Menteri*. Manakala tiga watak lagi daripada novel *Urah Pesisir* iaitu Syarif Omar, Wan Idrus dan Paul Gray. Watak-watak ini dipilih kerana mereka merupakan pentadbir, pemimpin masyarakat dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat. Teori teksdealisme oleh Mana Sikana digunakan untuk menganalisis kepimpinan berkualiti yang diperlakukan oleh watak-watak tersebut. Analisis ini juga disokong dengan mengaplikasikan konsep kepimpinan berkualiti, kepimpinan Islam dan budaya Melayu. Permasalahan kajian adalah tertumpu kepada pengamalan kepimpinan berkualiti dan mencari watak yang manakah lebih unggul kepimpinannya. Data-data diperoleh dengan menggunakan penyelidikan kepustakaan dan analisis kandungan novel-novel tersebut. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa watak-watak yang dikaji telah mempraktikkan kepimpinan berkualiti di dalam keluarga, masyarakat dan pentadbiran. Watak Ngah Ibrahim lebih dominan atau unggul kepimpinan berkualitinya kerana jawatan yang disandangnya, bilangan pengikut yang ramai, mementingkan agama dan pendidikan, bersedia menerima idea orang lain dan mempunyai sumber pendapatan yang tinggi. Berbeza pula dengan lima watak lain iaitu kepimpinan mereka kurang menyerlah dan terbatas kepada masyarakat setempat sahaja. Justeru, implikasi dapatan ini boleh dijadikan sebagai teladan oleh para pemimpin dan pentadbir masa kini dan yang akan datang.

TENGKU MENTERI AND URIH PESISIR NOVELS ANALYSIS OF QUALITY LEADERSHIP WITH TEXTDEALISM THEORY

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify quality leadership in the historical novels *Tengku Menteri* (Malaysia) and *Urih Pesisir* (Brunei). Specifically this study made use the textdealism theory which consist of the principle of presence, collision, consolidation and individualism. This study also focuses on three characters namely Long Jaafar, Ngah Ibrahim and Captain Speedy of *Tengku Menteri* novel and characters in *Urih Pesisir* novel are Omar Syarif, Wan Idrus and Paul Gray. These characters were chosen because they represent the role of administrators, community leaders and play a great influence in society. Textdealism theory is used to analyze the quality of leadership practiced by the characters. The analysis is also supported by applying the concept of quality leadership, the leadership of Islam and Malay culture. The goal for the practice of leadership is in line with the aspect of religion, culture and way of life of the community. The problems of the study is focused on the quality of leadership practices and find which one is superior character in leadership. The data was obtained using literature research and content analysis of the novels. The finding have shown that the characters studied have been practicing quality leadership in the family, society and administration. Ngah Ibrahim's character was more dominant or superior leadership in terms of quality because of the post he held, the number of followers he had, the emphasis on religion and education, his willingness to accept other people's ideas and have a source of good income. In contrast, the live other characters leadership was less prominent and was only limited to the local community. Thus, the implications of these findings can be used as a role model for leaders and present administrators and in the future.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	vii-xiii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	19
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Soalan Kajian	27
1.5 Kepentingan Kajian	27
1.6 Batasan Kajian	28
1.7 Definisi Konsep dan Istilah	35
1.7.1 Novel	35
1.7.2 Kepimpinan	38
1.7.3 Berkualiti	50
1.7.4 Kepimpinan Berkualiti	55

1.8	Kesimpulan	62
-----	------------	----

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	63
2.2	Kajian Teori Teksdealisme	64
2.3	Kajian Kepimpinan Dalam Teks Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Moden	66
2.4	Kajian Kepimpinan Berkualiti	71
2.5	Kajian Novel <i>Tengku Menteri</i> dan <i>Urih Pesisir</i>	75
2.6	Kesimpulan	76

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	77
3.2	Kaedah dan Pendekatan Kajian	77
3.3	Pengumpulan dan Analisis Data	80
3.4	Analisis Data	80
3.5	Teori Teksdealisme	81
3.6	Konsep Kepimpinan Berkualiti	88
3.7	Kepimpinan Islam	94
3.8	Budaya Melayu	96

3.9 Kesimpulan 97

BAB 4 ANALISIS TEKS TENGKU MENTERI

4.1	Pengenalan	98
4.2	Prinsip Kehadiran Dalam Teori Teksdealisme	99
4.2.1	Long Jaafar	99
	4.2.1.1 Kehadiran Pengalaman Di Singapura	100
	4.2.1.2 Kehadiran Sikap Positif	105
	4.2.1.3 Kehadiran Keluarga	109
	4.2.1.4 Kehadiran Bijih Timah	117
2	4.2.1.5 Kehadiran Pengalaman Bekerja Sebagai Pemungut Cukai	120
	4.2.1.6 Kehadiran Pekerja-pekerja Yang Rajin	125
	4.2.2 Ngah Ibrahim	130
	4.2.2.1 Kehadiran Jawatan Sebagai Pentadbir Larut	131
	4.2.2.2 Kehadiran Bijih Timah	135
	4.2.2.3 Kehadiran Pengikut Yang Setia	138
	4.2.2.4 Kehadiran Pengangkutan	142
	4.2.2.5 Kehadiran Pengalaman Belajar Mentadbir Di Johor	145

4.2.3 Kapten Speedy	149
4.2.3.1 Kehadiran Pengalaman Sebagai Pegawai Tentera	150
4.2.3.2 Kehadiran Sikap Rajin Membaca dan Menghargai Masa	153
4.3 Prinsip Perlanggaran Dalam Teori Teksdealisme	157
4.3.1 Long Jaafar	158
4.3.1.1 Membawa Masuk Pelombong Cina	158
4.4.1.2 Mengusahakan Bijih Timah	161
4.3.2 Ngah Ibrahim	165
4.3.2.1 Melantik Orang Inggeris Sebagai Setiausaha Peribadi	165
4.3.2.2 Memindahkan Pusat Pentadbiran	168
4.3.2.3 Memiliki Kapal Wap “Bahtera Bayu”	172
4.3.2.4 Mengupah Pasukan Polis Dari India	175
4.3.2.5 Menentang Perjanjian Pangkor 1874	178
4.3.3 Kapten Speedy	182
4.3.3.1 Fasih Berbahasa Melayu	182

4.3.3.2 Mengetuai Rombongan Peminangan	185
4.3.3.3 Meminta Gaji Yang Tinggi	189
4.4 Prinsip Pengukuhan Dalam Teori Teksdealisme	191
4.4.1 Long Jaafar	191
4.4.1.1 Menerima Surat Lantikan Sebagai Pentadbir Larut Kali Kedua	191
4.4.1.2 Mempunyai Kota Sebagai Pusat Pertahanan Di Bukit Gantang	195
4.4.1.3 Mempunyai Pengawal Yang Ramai	198
4.4.1.4 Mempunyai Hubungan Yang Baik Dengan Sultan dan Pembesar	201
4.4.2 Ngah Ibrahim	205
4.4.2.1 Mendirikan Masjid, Pusat Fardu Ain dan Kifayah	205
4.4.2.2 Membina Jalanraya	208
4.4.2.3 Pelantikan Sebagai Wakil Sultan	212
4.4.2.4 Mempunyai Kota Sebagai Pusat Pentadbiran dan Pertahanan	215
4.4.2.5 Mempunyai Pengawal dan Polis	218

4.4.3 Kapten Speedy	222
4.4.3.1 Mengadakan Hubungan Baik Dengan Keluarga Ngah Ibrahim	222
4.4.3.2 Mengadakan Hubungan Baik Dengan Saudagar Cina	225
4.4.3.3 Dilantik Menjadi Penolong Residen Negeri Perak	229
4.5 Prinsip Keperibadian Dalam Teori Teksdealisme	232
4.5.1 Long Jaafar	233
4.5.1.1 Bertanggungjawab	233
4.5.1.2 Taat Kepada Agama	237
4.5.1.3 Berwawasan	241
4.5.1.4 Meningkatkan Ilmu Pengetahuan	245
4.5.1.5 Meninjau Masalah Orang Bawahan/ Turun Padang	249
4.5.1.6 Menerima Pandangan Orang Lain	253
4.5.2 Ngah Ibrahim	257
4.5.2.1 Mementingkan Agama dan Pendidikan	257
4.5.2.2 Menghargai Orang Bawahan	261
4.5.2.3 Menerima Pandangan Orang Lain	265
4.5.2.4 Bertanggungjawab	269
4.5.2.5 Keberanian	273

4.5.3 Kapten Speedy	278
4.5.3.1 Berwawasan	278
4.5.3.2 Keberanian	282
4.5.3.3 Bijak	286
4.6 Kesimpulan	289

BAB 5 ANALISIS TEKS *URIH PESISIR*

5.1 Pengenalan	291
5.2 Prinsip Kehadiran Dalam Teori Teksdealisme	291
5.2.1 Syarif Omar	292
5.2.1.1 Kehadiran Pengalaman Sebagai Pentadbir Mukah	296
5.2.1.2 Kehadiran Pengikut Yang Setia	300
5.2.1.3 Kehadiran Pengalaman Berperang Dengan Musuh	302
5.2.2 Wan Idrus	304
5.2.2.1 Kehadiran Jawatan Sebagai Ketua Kampung	304
5.2.2.2 Kehadiran Pengalaman Di Betawi dan Bersahabat Dan Bersahabat Dengan Orang Bugis	310
5.2.2.3 Kehadiran Pengikut Yang Setia	314

5.2.2.4 Kehadiran Pengalaman Menyertai Peperangan	319
5.2.3 Paul Gray (Rajah Sarawak)	323
5.2.3.1 Kehadiran Tawaran Untuk Mengamankan Sarawak	324
5.2.3.2 Kehadiran Sumber Ekonomi	328
5.2.3.3 Kehadiran Senjata Moden	331
5.3 Prinsip Perlanggaran Dalam Teori Teksdealisme	336
5.3.1 Syarif Omar	336
5.3.1.1 Berani Menentang Paul Gray (Rajah Sarawak)	336
5.3.1.2 Tidak Membalas Dendam Terhadap Sultan Brunei dan Pengiran Metussin	341
5.3.2 Wan Idrus	344
5.3.2.1 Berbuat Baik Dengan Orang Yang Tidak Dikenali	344
5.3.2.2 Mahir Teknik Peperangan Orang Eropah	349
5.3.2.3 Berbuat Baik Dengan Lanun Kaum Iban	353
5.3.3 Paul Gray (Rajah Sarawak)	357
5.3.3.1 Berbuat Baik Dengan Ketua Kaum Pribumi	358

5.3.3.2 Berunding Dengan Pihak Penentang	362
5.4 Prinsip Pengukuhan Dalam Teori Teksdealisme	366
5.4.1 Syarif Omar	366
5.4.1.1 Menerima Sokongan Dari Pribumi Sarawak	366
5.4.1.2 Mempunyai Anak Yang Bijak	370
5.4.2 Wan Idrus	375
5.4.2.1 Mendapat Sokongan Dari Orang Brunei	375
5.4.2.2 Mahir Pelbagai Strategi Peperangan	379
5.4.3 Paul Gray (Rajah Sarawak)	384
5.4.3.1 Mempunyai Pembantu Yang Setia	384
5.4.3.2 Menerima Sokongan Dari Pelbagai Pihak	388
5.4.3.3 Menubuhkan Persatuan Keamanan dan Kesejahteraan Orang-orang Asli Borneo	392
5.5 Prinsip Keperibadian Dalam Teori Teksdealisme	397
5.5.1 Syarif Omar	398
5.5.1.1 Mahir dan Bijak Dalam Urusan Menentang Musuh	398

5.5.1.2 Cekap dan Pantas Mengambil Ruang dan Peluang	401
---------------------------------------------------------	-----

5.5.1.3 Mendengar Serta Menerima Idea dan Pandangan Orang Lain	405
----------------------------------------------------------------------	-----

5.5.1.4 Mementingkan Agama dan Pendidikan	409
----------------------------------------------	-----

5.5.2 Wan Idrus	414
-----------------	-----

5.5.2.1 Berbincang	414
--------------------	-----

5.5.2.2 Baik Hati	419
-------------------	-----

5.5.2.3 Bijak dan Pantas Merebut Ruang dan Peluang	424
-------------------------------------------------------	-----

5.5.3 Paul Gray (Rajah Sarawak)	428
---------------------------------	-----

5.5.3.1 Pantas Merebut Ruang dan Peluang	428
---------------------------------------------	-----

5.5.3.2 Menerima Pendapat Orang Lain	432
--------------------------------------	-----

5.5.3.3 Tegas	435
---------------	-----

5.6 Kesimpulan	438
----------------	-----

BAB 6 KEPIMPINAN BERKUALITI TOKOH-TOKOH DALAM NOVEL *TENGKU MENTERI DAN URIH PESISIR*

6.1 Pengenalan	440
----------------	-----

6.2	Keunggulan Dalam Kepimpinan Berkualiti	443
6.2.1	Jawatan Sebagai Pentadbir	444
6.2.2	Kehadiran Pengikut Yang Setia	447
6.2.3	Mementingkan Agama dan Pendidikan	451
6.2.4	Menerima Pandangan Orang Lain	453
6.2.5	Hubungan Dengan Orang Inggeris	456
6.2.6	Sumber Alam / Bahan Mentah	460
6.2.7	Pengangkutan dan Perhubungan	463
6.2.8	Sumber Pendapatan dan Perluasan Kuasa / Pengaruh	467
6.2.9	Pengalaman Belajar Urusan Pentadbiran dan Kepimpinan	472
6.2.10	Kemahiran dan Kebolehan Individu	475
6.3	Kesimpulan	482

BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	484
7.2	Rumusan	484
7.2.1	Pencapaian Objektif Kajian	485
7.2.2	Hasil Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	488
7.2.3	Cadangan	493

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Kehadiran	157
4.2 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Perlanggaran	190
4.3 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Pengukuhan	232
4.4 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Keperibadian	289
5.1 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Kehadiran	335
5.2 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Perlanggaran	365
5.3 Kepimpinan Berkualiti Berdasarkan Prinsip Pengukuhan	397

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Konseptual	79
6.1 Pecahan Bilangan Kepimpinan Berkualiti Mengikut Tokoh Atau Watak Berdasarkan Novel <i>Tengku Menteri</i>	442
6.2 Pecahan Bilangan Kepimpinan Berkualiti Mengikut Tokoh Atau Watak Berdasarkan Novel <i>Urih Pesisir</i>	443
7.1 Model Kepimpinan Berkualiti Berteraskan Karya Kesuasteraan Melayu	496

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Mengikuti perkembangan sastera atau sejarah sastera secara tidak langsung, kita belajar tentang sejarah sosial dan intelektual sesuatu bangsa atau masyarakat. Ini adalah disebabkan sastera mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat. Dengan kata lain, karya sastera ialah cerminan masyarakat. Karya-karya sastera meliputi puisi, cerpen, drama, novel dan sebagainya. Merujuk kepada novel, pembentukan novel di Malaysia ada hubungan erat dengan masyarakat, perkembangan ilmu dan bidang sastera itu sendiri.

Menurut Hashim Awang (1989: 10) novel sebagai satu genre sastera yang muncul kemudian daripada puisi, epik dan *romance*; telah mengalami transformasi makna. Istilah “novel” ialah kata pinjaman daripada Bahasa Inggeris yang maknanya merujuk kepada kata sifat iaitu baru diperkenalkan, luar biasa atau dahulunya tidak diketahui.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berdasarkan kenyataan Hashim Awang tersebut menggambarkan bahawa novel merupakan karya kesusasteraan baharu berbanding dengan puisi dan epik . Ini bermakna novel mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan mempunyai perbezaan yang nyata dengan puisi dan epik. Oleh itu, novel mempunyai bentuk atau ciri yang berbeza dengan karya-karya kesusasteraan yang lain.

Manakala Walter Scott (1995: 13) berpendapat “*the novel is, it would seem, the ideal form examining these social and personal tensions which always exist in some shape or form at all times in all societies*”. Berdasarkan kenyataan Walter Scott, dapatlah dirumuskan bahawa novel merupakan cerita yang panjang, mempunyai beberapa watak di dalamnya dan menggambarkan dunia sebenar dalam kehidupan. Malahan, di dalamnya terkandung masalah atau isu sosial yang cuba diketengahkan oleh pengarang. Di samping itu, novel merupakan satu medium kepada pengarang untuk menyalurkan idea dan meluahkan pemikirannya kepada pembaca.

Di samping itu, Mohamad Saleeh Rahamad (2006: 2) menyatakan bahawa unsur penting dalam novel ialah realisme. Dunianya mestilah realiti, dapat dilihat dengan mata kasar, latar dan waktunya adalah jelas. Watak-wataknya merupakan manusia biasa yang menjalani rutin harian dan mempunyai kepelbagai sikap. Malahan, mereka berinteraksi dengan alam sekeliling, masyarakat dan mengimbau masa lampau.

Oleh itu, berdasarkan kenyataan Mohamad Saleeh Rahamad maka dapatlah disimpulkan bahawa novel memaparkan keadaan sebenar bagi sesuatu peristiwa yang dikarang oleh pengarang dengan menggunakan kata-kata dan bahasa agar dapat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
 diluahkan kepada pembaca. Di samping itu, novel mampu menjelaskan suasana kehidupan yang sebenar kepada pembaca.

Selain itu, menurut A. Wahab Ali (2009: 37) “novel adalah gambaran kejadian dalam sesebuah cerita yang digolongkan ke dalam genre novel itu, terasa benar seperti yang berlaku dalam kehidupan manusia biasa sehari-hari tetapi sedikit berbeza dengan kehidupan sehari-hari ialah dari sudut plot cerita”.

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh A. Wahab Ali di atas menunjukkan bahawa novel dikarang berdasarkan kehidupan seharian pengarang dan ditokok tambah dengan daya imaginasinya bagi menarik jalan ceritanya. Ini bermakna pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pengarang dijadikan idea atau ilham untuk menulis novel.

Malahan, pengalaman tersebut digabungkan dengan fakta-fakta atau ilmu-ilmu tertentu menjadikan jalan cerita sesebuah novel itu lebih menarik.

Pengalaman-pengalaman itu mungkin diperoleh semasa di alam persekolahan, pekerjaan ataupun semasa berinteraksi dengan masyarakat. Segala pengalaman tersebut sama ada suka atau duka mampu membantu pengarang mengarang novel berdasarkan situasi yang telah dialaminya. Lantaran itu, pengalaman-pengalaman itu dapat dikongsi dengan pembaca supaya dapat dijadikan pengajaran ataupun panduan di dalam kehidupan.

Manakala Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005: 122) berpendapat novel merupakan satu “manifestasi sosial” kehidupan manusia, mengambil kehidupan sebagai intipatinya, kreativiti dan keindahan berbahasa sebagai penyerinya. Ini



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

bermaksud penciptaan novel itu bergantung kepada hasrat pengarang sama ada untuk teguran sosial atau menyampaikan serta meluahkan hasrat dan harapannya kepada pembaca secara tidak langsung.

Merujuk kepada bilangan atau jumlah perkataan bagi sesebuah novel Robert Stanton (1965: 37) berpendapat 30,000 perkataan sebagai jumlah minimum bagi sesebuah novel. Dengan kata lain, minimum 100 halaman bagi penghasilan sesebuah novel. Pandangan beliau disokong oleh Anthony Burgess turut menyatakan jumlah perkataan yang sama bagi membentuk sesebuah novel (Anthony Burgess, 1971: 16). Namun begitu, E.M Foster (1979: 3) menyatakan sesebuah novel seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya 50,000 perkataan. Oleh itu, jumlah perkataan mempengaruhi sesuatu karya sama ada dikategorikan cerpen ataupun novel. Jika sesebuah karya itu jumlah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

perkataannya kurang daripada 50,000 perkataan maka ia hanya dikategorikan sebagai cerpen. Lantaran itu, kepanjangan sesebuah novel itu bergantung berapa banyak jumlah perkataan yang terkandung di dalamnya. Semakin banyak perkataan yang digunakan semakin teballah novel dihasilkan. Perkataan yang dipilih perlulah sesuai dengan isi cerita yang hendak disampaikan.

Seterusnya, melihat kaedah penerbitannya didapati alat percetakan moden dapat mencetak dan menghasilkan bahan bertulis dalam jumlah yang banyak dan seragam. Kemajuan ini membolehkan penyebaran bahan bacaan yang berbentuk akhbar, majalah dan buku yang lebih meluas. Sejarah percetakan di negara ini bermula dan berkembang di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang merupakan Negeri-negeri Selat. Lantas, ia berkembang ke negeri-negeri lain yang banyak bijih timah seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Namun begitu, penerbitan akhbar *Jawi Peranakan* di Singapura pada tahun 1876

menjadi titik tolak yang sangat penting dalam sejarah perkembangan kewartawanan dan intelektual orang-orang Melayu. Akhbar ini diterbitkan secara mingguan iaitu setiap hari Isnin dalam tulisan Jawi iaitu tulisan yang digunakan secara meluas pada ketika itu di Tanah Melayu. Seterusnya, lahirlah akhbar lain seperti *Idaran Bintang Timur* atau *Nujum al Fajar* (1877-1888), *Sekolah Melayu* (1888), *Seri Perak* (1893) di Perak dan *Bintang Timur* (1900) di Pulau Pinang.

Surat khabar dan buku-buku hasil cetakan telah membina citarasa dan memberi pendedahan maklumat yang lebih moden, berbentuk realisme, memaparkan isu-isu semasa berbanding dengan bahan bacaan yang terhad hasil tulisan tangan. Penghasilan bahan-bahan bercetak yang pantas dan kuantiti yang banyak, secara tidak langsung



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

itu, percetakan penting kerana kurangnya kesalahan dalam aspek ejaan, pengeluaran buku atau majalah yang lebih pantas, penggunaan huruf yang terang dan mudah difahami serta kosnya yang murah berbanding dengan tulisan tangan.

Menurut William Roff (1972: 1) antara tahun 1876 hingga 1941 terdapat 162 akhbar dalam bahasa Melayu di Semenanjung dan satu di Malaysia Timur. Akhbar-akhbar ini menyiaran berita bersumberkan fakta tempatan dan luar negeri. Malahan, akhbar tersebut turut menyiaran rencana dan fiksyen cereka terjemahan termasuklah dari Timur Tengah. Corak dan gaya penulisan ini memberi ilham dan idea kepada para penulis tempatan untuk menulis cereka berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Dengan kata lain, cereka yang dihasilkan berdasarkan fakta atau kisah benar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang berlaku di sekeliling penulis. Kebiasaan atau rutin ini, akhirnya menjadi pemangkin

penting yang digunakan oleh penulis-penulis Melayu seterusnya.

Di samping itu, William Roff (1972: 7) menyatakan pada awal abad ke-20 kerajaan Inggeris telah mula membina sekolah di negeri-negeri Selat iaitu Melaka, Singapura dan Pulau Pinang. Di bandar-bandar besar didirikan sekolah beraliran Inggeris manakala di luar bandar didirikan pula sekolah beraliran Melayu. Kesannya, ramai orang Melayu celik huruf dan mula berminat membaca. Secara umumnya, golongan pembaca pada ketika itu terdiri daripada orang Melayu yang celik huruf, golongan India Muslim, Cina Baba dan Arab yang lebih dikenali sebagai Jawi Peranakan. Kebanyakan golongan ini tinggal di kawasan bandar yang dilengkapi pelbagai kemudahan. Kedai-kedai buku banyak terdapat di kawasan bandar. Justeru, golongan inilah yang kemudiannya menjadi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Secara tidak langsung akhbar, majalah dan novel telah menyediakan satu tapak atau landasan bagi menulis mengetengahkan hasil penulisan mereka. Akhbar dapat dibaca oleh segenap lapisan masyarakat. Ini termasuklah yang dilanggan oleh pihak sekolah yang seterusnya memberi ruang dan peluang kepada murid-murid mengetahui isu-isu tempatan dan luar negara. Menurut Shaharom Hussein (1987: 274) sebelum Perang Dunia Kedua pihak sekolah ada melanggan akhbar dan majalah Melayu untuk perpustakaan. Akhbar dapat menampung kekurangan bahan bacaan pada masa tersebut.

Perkembangan novel adalah berkaitan dengan perkembangan intelektual yang dapat dikaitkan dengan pendidikan. Selain itu, peranan media cetak juga menyumbang ke arah pertumbuhan dan perkembangan novel Melayu. Di peringkat awal pertumbuhannya,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

pengarang Melayu menunjukkan keprihatinan, kebimbangan dan kecintaannya terhadap bangsa daan negara. Kebanyakan pengarang Melayu pada ketika itu terdiri daripada guru dan wartawan yang mendapat pendidikan agama. Pandangan sosial, ekonomi dan politik mereka banyak ditentukan oleh latar belakang pendidikan dan persekitaran.

Sebahagian besar pengarang Melayu dibesarkan dalam budaya Melayu yang mementingkan agama, bangsa dan mencintai tanahair. Justeru, mereka berani meluahkan ketidakpuasan hati melalui novel dan karya-karya lain walaupun ada sekatan dan syarat yang dikenakan oleh pihak Inggeris. Misalnya, pegawai kerajaan dilarang menulis di media massa kerana dibimbangi menikam dasar dan polisi pihak Inggeris. Namun begitu, nama samaran telah digunakan bagi mengelakkan dikenakan tindakan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Semasa pemerintahan Jepun, karya sastera memainkan peranan yang penting bagi meniupkan semangat menentang penjajahan. Dengan kata lain, zaman ini mempunyai “rahmat yang tersembunyi” kerana timbulnya perasaan untuk merdeka. Kesedaran ini timbul akibat daripada kesengsaraan dan penderitaan yang dialami. Kekejaman tentera Jepun menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menentang penjajahan. Oleh itu, novel menjadi salah satu alat atau saluran untuk menyampaikan mesej atau maklumat kepada mesyarakat tentang kemerdekaan dan kepentingan bersatu dalam kalangan penduduk Tanah Melayu.

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tanah Melayu menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam mengisi kemerdekaan. Pergolakan politik, masalah sosial dan ekonomi telah dijelmakan dalam novel. Seterusnya, dalam dekad 60-an merupakan satu zaman yang amat membanggakan bagi penghasilan novel. Menurut



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Ahmad Kamal Abdullah (1990: 264) dalam dekad tersebut sebanyak 238 buah novel

telah dihasilkan. Sebagai sebuah negara yang baharu merdeka, masalah pembangunan negara menjadi agenda utama. Di samping itu, isu mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga turut diketengahkan. Malahan, isu keperluan fizikal seperti hospital, klinik desa, bekalan elektrik, air dan pembinaan jalan raya turut dipaparkan dalam novel.

Seterusnya, para sasterawan yang terlibat dalam sastera telah menubuhkan Persatuan Penulis Nasional (PENA) pada tahun 1961. Persatuan ini telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti ceramah sastera di radio dan diskusi umum novel-novel baru. Kritikan novel atau hasil sastera dapat dibaca hampir setiap minggu dan bulan di *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *Dewan Bahasa*. dan *Mastika*. PENA amat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

penting kerana menjadi satu medan pertemuan dalam kalangan penulis bagi menyalurkan idea, pendapat dan pandangan demi mengangkat martabat sastera dan masyarakat.

Dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden terdapat pelbagai genre. Antaranya ialah genre novel, cerpen, drama, sajak, autobiografi dan eseи serta kritikan. Kesemuanya mempunyai definisi, ciri, pola dan kategori tersendiri. Justeru, pemilihan dalam kajian ini lebih menjurus kepada dua buah novel yang terkandung unsur-unsur sejarah yang terdapat di Malaysia dan Brunei Darussalam. Novel begini dikategorikan oleh penghasil karya sebagai novel sejarah.

Namun begitu, terdapat pelbagai pandangan atau pendapat bagi menjelaskan definisi atau pengertian novel sejarah ini. Hervey Allen (1944: 119-120) menyatakan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi